

29/01/1997

Akademi penerbangan jadi chalet murah

KUALA LUMPUR, Selasa - Akademi Penerbangan Mofaz di Langkawi yang diwujudkan bagi melatih juruterbang dan jurutera penerbangan, terpaksa menjadikan sebahagian daripada bangunannya sebagai chalet kos rendah kerana ketiadaan pelajar.

Langkah Penerbangan Malaysia (MAS) menghentikan penghantaran pelatihnya mengikuti kursus di akademi itu sejak tahun lalu dikatakan menjadi faktor utama ketiadaan pelajar.

Ketika ini, hanya dua tiga pelajar mengikuti kursus juruterbang walaupun akademi itu mampu menampung 80 peserta serentak.

Akademi berharga RM5 juta itu diwujudkan pada 1992 dan diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Pameran Udara dan Maritim Langkawi (Lima) yang mahu melihat lebih banyak akademi penerbangan tempatan.

Sebelum itu, satu-satunya akademi penerbangan tempatan ialah Akademi Penerbangan Malaysia di Batu Berendam, Melaka.

Bagaimanapun, akademi itu juga menghadapi dilema yang serupa, apabila MAS turut menghentikan penghantaran pelatihnya ke situ, sejak tahun lalu.

Jurucakap Akademi Penerbangan Mofaz mendakwa, pihaknya tidak ada pilihan tetapi menjalankan perniagaan chalet murah bagi mengelakkan kerugian berterusan kerana tidak menerima pelatih.

Walaupun akademi itu menerima pelatih persendirian, bilangannya terlalu kecil. Malah difahamkan, akademi itu mungkin ditutup terus sedikit masa lagi, jika terus tidak menerima pelatih.

"Kita pernah memohon untuk melatih juruterbang sebuah syarikat penerbangan asing. Bagaimanapun jawapan mereka ialah jika syarikat penerbangan negara ini tidak percayakan kita, tidak ada sebab mereka mahu menggunakan perkhidmatan kita," dakwanya.

Jurucakap itu mendakwa, alasan MAS menghentikan penghantaran pelatihnya ke situ kerana kononnya Mofaz gagal menghasilkan juruterbang berkualiti.

"Bagaimanapun kami menolak dakwaan ini kerana sejak ditubuhkan, akademi ini sudah melatih lebih 30 juruterbang, malah ada antaranya yang kini membawa pesawat besar seperti Boeing 747.

"Kami mampu melatih juruterbang bermutu dengan jurulatih yang ada, sebahagian besarnya didatangkan dari luar negara dan sedia melatih penggunaan peralatan canggih," dakwanya.

Sementara itu, Akademi Penerbangan Malaysia di Batu Berendam hanya melatih kira-kira 30 bakal juruterbang berbanding kemampuan 80 orang. Ia kini melatih juruterbang persendirian, Polis Udara Malaysia, Tentera Udara Sri Lanka dan pelajar tajaan Mara.

Seorang pegawai kanan akademi itu yang enggan namanya disiarkan berkata, pengambilan pertama pelatih MAS di pusat itu ialah pada 1988 dan kumpulan terakhir jurutera penerbangan MAS menamatkan latihan di situ ialah Mac tahun lalu.

"Kita masih dapat bertahan. Bagaimanapun, kita tidak lagi mencatat keuntungan sejak MAS berhenti menghantar pelatihnya. MAS memberi alasan tidak mahu menghantar pelatihnya ke sini kerana kita lewat menamatkan latihan, yang sepatutnya selesai dalam tempoh 14 bulan.

"Mengikut keadaan biasa, kita mampu menamatkan latihan mengikut tempoh ditetapkan tetapi kelewatan boleh berlaku kerana faktor cuaca seperti kabus dan angin monsun yang tidak membolehkan kita membuat penerbangan latihan," dakwanya.

(END)